

HUBUNGAN LUAR KESULTANAN MELAYU MELAKA DENGAN KAWASAN SEKITAR DAN ANTARABANGSA

Ramlah Adam

Universiti Malaysia Perlis

ramlahadam@unimap.edu.my

Abstrak

Kesultanan Melayu Melaka (KMM) adalah sebuah kerajaan dan empayar yang tersohor. Pengetahuan mengenainya banyak telah diketahui. *Sejarah Melayu* atau *Sulatatus Salatin*, telah menjadi sumber penting tempatan yang telah digunakan untuk kajian bahasa, kesusasteraan, histriografi dan sejarah. Namun, tidak semua sarjana berpendapat *Sejarah Melayu* itu sebagai satu sumber sejarah yang dapat diterima sepenuhnya. Sumber-sumber Portugis, China dan Arab lebih dipercayai. Namun, pada pandangan saya Sejarah Melayu memang boleh dijadikan sumber sejarah; kerana pemerintahan raja-raja Melaka itu diiktiraf oleh sejarah kecuali jurai keturunan raja Bukit Seguntang Mahameru yang dilihat luar daripada kebiasaan. Namun penceritaan dilain-lain tempat dalam sejarah itu adalah cerita manusia yang biasa. Ketiadaan tarikh mungkin juga satu sebab mengapa ia diragui. Namun setiap masyarakat mempunyai tradisi pensejarahannya; bagi masyarakat Melayu ketiadaan tarikh itu adalah kerana cerita itu ditulis semula oleh banyak penulis. Oleh timbul isu samada Tun Seri Lanang itu penulisnya atau penyusunnya.

Namun, itu bukanlah persoalannya disini. Sebagai seorang pengkaji sejarah, tulisan dalam *Sejarah Melayu* dapat dijadikan bahan sejarah bagi mengkaji Kesultanan Melayu Melaka yang tersohor itu. Nama-nama tempat yang disebut masih kekal sehingga kehari ini. Oleh itu, dalam mengkaji hubungan luar KMM yang terjalin dengan kawasan sekitarnya dan negara-negara luar disepanjang pemerintahan raja-rajanya, dapat dilihat kedinamikan hubungan itu. Hubungan itu berlaku diperingkat kerajaan dan juga peribadi pemerintah Melaka dengan dunia luar. Hubungan luar yang bersifat peperangan, penaklukan, pernaungan, perkahwinan diraja dan pengembangan Agama Islam, telah menjadi dasar dan pendekatan setiap pemerintah Melaka. Mereka menggunakan kaedah yang sama bagi memperkuuhkan kedaulatannya. Kesultanan Melayu Melaka terpaksa berhadapan dengan semua cabaran luar itu dengan cara yang jelas untuk menjaga ketuanannya dirantaunya. Hubungan dengan kuasa besar pula dilakukan dengan bijaksana untuk melindungi dan mengimbangi hubungan itu dan memelihara kedaulatannya. Kedatangan Feringgi telah merubah kekuatan KMM; kejatuhan kota Melaka ditangan Feringgi, telah melemahkan kekuatan Melaka sebagai sebuah kuasa penting di Kepulauan Melayu. Namun, KMM tetap mempertahankan kedaulatannya walaupun terpaksa berpindah randah membentuk pusat pentadbiran dan kerajaan ditanah-tanah naungannya. Disamping itu ia sentiasa dicabar dengan kekuatan Feringgi. Mempelajari hubungan luar KMM itu sebenarnya, kita dapat mempelajari kekuatan dan kelemahan kepimpinan yang menguruskan hubungan luar itu. Ia juga mempamerkan tamadun bangsa Melayu yang diwarisi oleh kita hari ini.

Kata Kunci: *Kesultanan Melayu Melaka, Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Mahmud Syah, Majapahit, China.*

HUBUNGAN LUAR KESULTANAN MELAYU MELAKA DENGAN KAWASAN SEKITAR DAN ANTARABANGSA.¹

PENDAHULUAN

Kesultanan Melayu Melaka adalah sebuah kerajaan dan empayar yang tersohor, yang muncul pada sekitar tahun 1400 dan ada yang mengatakan pada tahun 1263. Catatan mengenai Kesultanan ini terdapat dalam *Sejarah Melayu* atau *Sulatus Salatin* dan juga catatan antarabangsa seperti Portugis, China dan Arab. Sejarah Melayu adalah sumber yang sering dijadikan kajian oleh mereka yang mengkaji bahasa, kesusastraan dan sejarah orang Melayu. Terdapat lebih 10 naskah versi Sejarah Melayu yang telah dihasilkan oleh pelbagai sarjana dan peminat sastera serta sejarah.

Sejarah Melayu yang dijadikan teks kajian kali ini ialah `*Sulat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*', karangan Tun Seri Lanang, dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh,² seorang pakar kesusastraan Melayu yang tersohor dan bergelar Sasterawan Negara. Teks ini dijadikan rujukan sepenuhnya bagi membincangkan isu hubungan serantau dan antarabangsa Kesultanan Melayu Melaka.

Perbincangan akan meliputi pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah, Sultan Mahmud Shah dan Sultan Alauddin Riayat Syah(2). Kesemua sultan-sultan ini adalah pemerintah-pemerintah yang telah melaksanakan hubungan luar yang pelbagai bentuk dengan tujuan untuk memperluas dan memperkuatkannya pengaruh dan kuasa Kesultanan Melayu Melaka (KMM). Hubungan itu berlaku dalam bentuk perkahwinan, penaklukan, perdagangan, dan pendakwahan Agama Islam. Ia juga memperlihatkan hubungan yang berlapis-lapis dan berulang-ulang dalam memperkuatkannya kedaulatan KMM sebagai sebuah kerajaan dan empayar.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu pada 29 September 2016 di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.

Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka:

1) Pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.

Baginda adalah anakanda Sultan Muhammad Syah, yang merupakan Sultan Melaka yang pertama memeluk agama Islam. Sultan Muzaffar Syah, yang nama sebenarnya adalah Raja Kasim, telah mengambil takhta daripada adindanya Raja Ibrahim atau Sultan Abu Syahid, melalui satu rampasan kuasa yang dirancang oleh pembesar-pembesar Melaka tanpa persetujuan Bendahara.



Peta 1: Negeri-negeri Yang Mempunyai Hubungan Luar Dengan Kesultanan Melayu Melaka Seperti Yang Tersebut Dalam *Sejarah Melayu*

Seorang maulana bernama Maulana Jalaluddin telah meyakinkan Raja Kasim untuk merebut takhta. Dengan memperdayakan Bendahara Seriwa Raja, Raja Kasim dan pembesar lain dapat

merampas takhta apabila Raja Rokan, pemangku Sultan, membunuh Sultan Abu Syahid dipangkuannya sebelum membunuh diri.²

Sultan Muzaffar Syah telah melaksanakan pelbagai bentuk hubungan luar disepanjang pemerintahannya. Antaranya:

- **Mempertahankan kerajaan daripada Siam**

a) Ini dilakukan terhadap kerajaan Siam yang cuba menyerang Melaka sebanyak tiga kali. Kali pertama telah dapat diatasi dengan kebijaksanaan Tun Perak, Penghulu Kelang, yang membawa semua keluarga ke Melaka untuk berperang dengan Siam yang telah berada di laut. Daerah-daerah lain takluk kerajaan Melaka datang hanya membawa hulubalang lelaki sahaja. Ini telah dipertikaikan oleh seorang India Muslim yang mengadu kepada Sultan. Tun Perak telah mengatakan bahawa dengan membawa anak isteri hulubalang-hulubalang itu akan berjuang bersungguh mempertahankan anak isteri dan kerajaan Melaka sekali gus. Jawapan yang bijak itu telah menyebabkan Tun Perak dilantik sebagai Penghulu Bendahari KMM. Tun Perak adalah anak Bendahara Seriwa Raja yang memakan racun kerana takutkan kemurkaan Sultan Muzaffar Syah. Tun Perak telah dihantar ke Kelang, sebuah jajahan takluk Melaka, setelah kedudukannya di Melaka dilihat sebagai satu ancaman kepada penyokong Sultan Muzaffar Syah. Tun Perak hanya menurut sahaja dibawah konsep `pantang anak Melayu menderhaka kepada Raja'.³

b) Serangan Siam kali kedua berlaku semasa Tun Perak bergelar Bendahara Paduka Raja KMM. Kemasyorannya sama hebat dengan Aria Patih Gajah Mada, Majapahit dan Orang Kaya Raja Kenayan, Pasai. Dalam serangan kali kedua itu, pihak Siam, yang dipimpin oleh Awi Dicu, telah berlabuh di Batu Pahat sebagai kubunya. Bendahara Paduka Raja telah memerintahkan supaya dipasang puntung api atau jamur disetiap pokok ditepi pantai itu. Maka kelihatanlah terlalu terang benderang. Panglima Siam menjadi gerun kerana ramainya hulubalang Melaka; maka mereka berundur daripada perairan Batu Pahat. Pasukan Bendahara Paduka Raja menjelaki angkatan Siam sehingga ke Singapura sebelum balik ke Melaka semula.⁴

c) Serangan ketiga pula dilakukan dengan cara halus dilakukan oleh seorang pemanah handalan Melaka iaitu Tuan Sidi yang sentiasa bermain panah pada setiap masa. Dia telah memanah melalui angin terus kepada anak Raja Siam yang ingin menyerang Melaka yang bernama Cau

² *Sulat al- Salatin Ya’ni Perteturun Segala Raja- Raja (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan , Kuala Lumpur, 2009, hlm. 69-72.

³ *Ibid*,hlm. 74-76.

⁴ *Ibid*, hlm. 77-78.

Pandan. Dia jatuh rebah muntah darah dihadapan ayahnya. Maka tidak serangan keatas Melaka selepas itu.⁵

- **Hubungan Diplomatik:**

Sultan Muzaffar Syah telah melaksanakan dasar ini kepada kerajaan Siam dengan konsep perdana menteri, ‘daripada banyak seteru (baik) banyak sahabat’. Sultan telah menitahkan Tun Telanai menghantar surat persahabatan bukan surat sembah, kasih ataupun salam. Bendahara Paduka Raja menjadi penulis surat itu. Pihak Siam menerima utusan Melaka dan bertanya siapa yang mengarang surat itu dan mengapa Melaka tidak kalah. Tun Telanai menunjukkan seorang untut bermain lembing dihadapan Raja Siam. Dan dibaling orang dibelakangnya; tetapi tidak luka dan berdarah. Tun Telanai mengatakan semua orang Melaka kebal-kebal belaka seperti itu. Itulah kekuatan Melaka. Ternyata, Melaka tidak menyembah kepada Siam dan pertahanan Melaka adalah hebat. Namun Siam tetap mahu menguji kehebatan Melaka. Dalam sebuah serangan keatas negeri, Siam membawa utusan Melaka berperang sama. Strategi Tun Telanai mengena; mengadap matahari terbit dan dapat menyerang musuh dahulu. Pihak Siam sangat berpuas hati dan menganugerahkan puterinya untuk menjadi isteri Tun Telanai.⁶

Dengan kebijaksanaan seorang utusan seperti Tun Telanai, KMM dapat menjalin hubungan diplomatik yang berkesan dan mengelak perperangan. Langkah Sultan Muzaffar Syah itu adalah sangat bijak sekali.

2. Pemerintahan Sultan Mansur Syah:

Baginda adalah anakanda kepada Sultan Muzaffar Syah. Baginda adalah seorang yang warak dan menjadi imam solat berjemaah di masjid Melaka. Perhubungan luar KMM dilakukan oleh baginda dengan pelbagai cara. Antaranya perkahwinan diraja, perdagangan dan penyebaran dan pendakwahan agama Islam. Baginda mangkat pada usia 73 tahun.⁷

a) Perkahwinan Diraja:

Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan dengan puteri-puteri kerajaan-kerajaan besar seperti Majapahit dengan China. Perkahwinan ini sebenarnya adalah satu strategi KMM untuk berbuat baik dengan kerajaan- kerajaan tersohor itu bagi mengelakkan perperangan atau

⁵ *Ibid*, hlm. 79- 80.

⁶ *Ibid*, hlm.81-82.

⁷ *Ibid*, hlm. 134

pertandingan pengaruh diantara mereka. Sebagai menantu kepada kedua kuasa besar itu, serangan keatas Melaka atau sebaliknya dapat dielakkan. Pertalian darah hasil perkahwinan tersebut juga dapat merapatkan silaturahim diantara mereka. Melaka juga dapat menjadikan perhubungan itu sebagai perluasan perdagangan diantara keduanya.

- a) Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan Raden Galuh Cendera (Kirana), anakanda Betara Maja Pahit. Baginda diiringi oleh sebuah gerombolan yang besar dengan diiringi oleh raja-raja dan hulubalang jajahan takluk Melaka seperti Singapura, Indrageri, Merlung, Palembang, Jambi, Tunggal, Lingga ke Maja Pahit. Hulubalang Melaka seperti Hang Tuah dan kawan-kawannya menunjukkan kehebatannya bermain senjata sehingga Hang Tuah mendapat keris Taming Sari. Mereka juga mendapat beberapa jajahan anugerah Betara Maja Pahit.⁸
- b) Perkahwinan Sultan Mansur dengan puteri China Hang Liu juga adalah satu muslihat persahabatan dan diplomatik yang bijaksana. Maharaja China sebagai satu kuasa besar ingin menunjukkan kehebatannya kepada Melaka, yang didengarnya sebagai sebuah negeri yang tersohor. Satu gerombolan sebuah pilu (kapal) China dengan sarat bermuat dengan jarum telah dihantarnya ke Melaka. Jarum-jarum itu melambangkan betapa ramainya rakyatnya. Sultan Mansur Syah menyambut surat persahabatan itu dengan gembira tetapi tersenyum sinis dengan makna jarum-jarum itu. Baginda kemudian menghantar rombongan balasannya dengan diketuai oleh Tun Perpatih Putih.

Kerajaan Melaka telah menghantar sagu sebagai balasan kepada Maharaja China sebagai lambang betapa ramainya rakyat Melaka. Mengikut Tun Perpatih Putih setiap rumah dalam negeri Melaka menggolek sagu itu. Dengan itu, China dan Melaka mempunyai rakyat yang sama banyaknya. Tun Perpatih Putih pula meminta satur kangkong yang tidak dipotong sebagai makanan kegemaran mereka. Kangkung itu pula dimakan dengan mendongakkan muka ke atas. Dengan cara itu, orang Melaka dapat melihat wajah Maharaja China, yang selama ini dilarang untuk melihatnya. Kebijaksanaan diplomatik Melaka menyedarkan China tentang kekuatan Melaka. Sebagai balasan, Maharaja China telah memberi puterinya untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah. Li Po pembesarnya mengiringi puteri Hang Liu dengan 500 orang pengiring yang lain. Pengiringnya dikenal sebagai Biduanda Cina dan mereka ditempatkan di Bukit China, Melaka. Perkahwinan itu melahirkan seorang putera yang bernama Paduka Mimat.

⁸ *Ibid*, hlm.88-96.

⁹Maka kemashyuran Melaka telah mengundang perkahwinan yang mempereratkan lagi persahabatan dan hubungan luar yang harmonis dengan China.

c) Hubungan kekeluargaan itu dijadikan Melaka sebagai satu tanda kebesarannya. Sultan Mansur Syah telah mengubat penyakit kedal Maharaja China, apabila air basuhan kakinya diminum dan dimandi oleh Maharaja itu. Ternyata hubungan itu sangat rapat sehingga meletakkan kewibawaan Maharaja China itu dibawah Melaka. Malah Maharaja China telah memesan kepada cucu cicitnya supaya” jangan lagi berkehendakkan sembah kepada Raja Melaka tetapi muafakat dan berkasih- kasihan juga”¹⁰

b) Hubungan Luar berbentuk Peperangan:

Peperangan juga satu cara KMM menjalin hubungan luarnya. Serangan ini dilakukan kerana keingkaran kawasan atau jajahan itu bertuankan kerajaan Melaka. Kadang-kadang juga berlaku kerana Melaka ingin memberi bantuan kepada pihak tertentu untuk menyelesaikan pemberontakan atau rampasan kuasa di sesebuah negeri sahabat Melaka.

- **Pahang**, adalah sebuah negeri yang ditadbir oleh Maharaja Sura. Bagingda telah ingkar untuk tunduk ke Melaka. Pasukan Melaka telah menyerangnya dan dapat dikalahkan. Namun, Maharaja Sura telah melarikan diri dan hanya selepas tiga hari dia dapat ditangkap dan dibawa ke Melaka. Baginda kemudian dijadikan ketua penjinak gajah liar, sesuai dengan kebolehannya.¹¹
- **Siak**, sebuah negeri yang tidak mahu menyembah Melaka, walaupun telah menjadi naungan Melaka sebelum itu. Maharaja Peri Sura rajanya menentang serangan Melaka, tetapi dapat dikalahkan dan terbunu oleh pasukan Melaka dibawah pimpinan Seri Awadana. Anakanda Raja Siak, Megat Raja Kudu ditawan ke Melaka dan dikahwinkan dengan puteri Sultan Mansur Syah. Baginda dirajakan semula di Siak dengan gelaran Sultan Ibrahim.¹²
- **Pasai** pula menghadapi perang saudara diantara Sultannya dengan adindanya. Sultan Zainal Abidin, Raja Pasai telah datang ke Melaka untuk berlindung dan meminta bantuan. Sultan Mansur Syah telah menghantar Bendahara Paduka Raja dan Laksamana serta beberapa pembesar lain untuk menyelesaikan perang saudara itu. Sultan Zainal Abidin dapat ditabalkan semula, tetapi baginda tidak berterima kasih dan mengangkat

⁹ *Ibid*, hlm. 104- 106.

¹⁰ *Ibid*, hlm.112-113

¹¹ *Ibid*, hlm.107-110.

¹² *Ibid*, hlm.114- 115.

sembah kepada Sultan Melaka. Bendahara Paduka Raja merasa kecewa dan tidak mengadap Sultan Mansur Syah. Sebaliknya, Laksamana telah memburukkan Bendahara Paduka Raja , sehingga sultan murka. Tetapi apabila Bendahara Paduka Raja mengadap Sultan Mansur Syah, cerita yang sangat baik tentang Laksamana telah diberitahu kepada Sultan. Akhirnya Sultan memahami kemuliaan dan kebijaksanaan Bendahara Paduka Raja. Laksamana terpaksa menyembah tujuh kali meniarap pada kaki Bendahara Paduka Raja untuk minta pengampunan.¹³

c) Perhubungan Perkembangan Agama Islam

Sultan Mansur Syah terkenal sebagai pemerintah yang warak. Baginda sangat berminat kepada permasalahan yang berkaitan dengan Agama Islam. Seorang maulana bernama Maulana Abu Bakar telah tiba ke Melaka dan membawa kitab *Durr Manzum*. Sultan Mansur Syah meminta Tun Permatakan pergi ke Pasai untuk diterjemahkan atau diertikan. Selepas itu dihantar semula ke Melaka. Sultan Mansur Syah juga bertanyakan jawapan tentang persoalan syurga dan neraka kepada ulamak-ulamak Pasai. Raja Pasai melayan permintaan Sultan Mansur Syah dengan penuh adat istiadat diraja. Hubungan agama ini sangat penting kerana KMM sentiasa melihat Pasai sebagai ulamak-ulamak berkumpul dan menjadi rujukan Melaka.¹⁴

3) Pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah:

Baginda adalah anakanda Sultan Mansur Syah. Nama asalnya ialah Raja Raden. Baginda sangat terkenal dengan kesungguhannya menjaga keselamatan Melaka daripada pencuri. Baginda menyamar sebagai pencuri bersama dengan dua orang pengiringnya. Baginda dikatakan sangat perkasa dan disayangi rakyat kerana ‘arif dan bijaksana’. Baginda juga seorang yang warak. Semasa pemerintahannya, hubungan luar juga dilakukan dengan negeri-negeri di Alam Melayu, yang menjadi naungan dan jajahan takluknya. Hubungannya juga mempunyai unsur peperangan dan persahabatan. Baginda memerintah KMM selama 33 tahun.¹⁵

a) Hubungan Dengan Tanah Jajahan Dan Naungan:

- **Muluku**, adalah naungan Melaka. Raja Muluku datang ke Melaka untuk mengangkat sembah. Baginda tinggal di Melaka agak lama untuk memesrakan dirinya dengan pemerintahan Melaka.

¹³ *Ibid*, Hlm. 126-130

¹⁴ *Ibid*, hlm.120

¹⁵ *Ibid*, hlm. 151.

- **Terengganu** adalah juga naungan Melaka. Telanai Terengganu telah datang mengangkat sembah kepada Sultan Melaka. Bagaimanapun Sultan Pahang, Sultan Muhammad, bapa saudara Sultan Alauddin Riayat Syah telah membunuh Telanai Terengganu setelah baginda pulang ke Terengganu. Terengganu diserahkan kepada seorang pemangku Seri Akar Raja, Pahang.¹⁶
- **Pahang** adalah naungan/jajahan Melaka. Sultan Muhammad adalah anak Sultan Mansur Syah yang telah dibuang negeri kerana membunuh Tun Besar, anakanda Bendahara Paduka Raja. Tun Besar dibunuh kerana semasa bermain sepak raga, destar Raja Muhammad terjatuh terkena sepak raga yang dimaininya. Bendahara Paduka Raja, biras kepada Sultan Melaka, tidak mahu bertuarkan Raja Muhammad, yang bakal menggantikan Sultan Mansur Syah. Maka Sultan Mansur Syah telah menghantar anakandanya ke Pahang sebagai Sultan. Apabila Sultan Alauddin menggantikan Sultan Mansur, Sultan Muhammad Pahang merasa dirinya lebih berkuasa ke atas Melaka; maka arahan membunuh Telanai Terengganu itu dilihat sebagai sesuatu yang tidak menghormati kedudukan Sultan Alauddin Riayat Shah sebagai ketua KMM dan Pahang adalah jajahan/naungannya.

Sultan Melaka mendengar nasihat Bendahara Paduka Raja, yang meminta Pahang tidak diserang. Sebaliknya, sebuah utusan dihantar untuk mengingatkan Sultan Muhammad terhadap kedudukan KMM sebagai ketua dan Sultan Melaka sebagai pemerintahnya. Laksamana telah diutuskan; namun sebagai membala tindakan Seri Akar Raja membunuh Telanai Terengganu itu seorang saudaranya telah dibunuh. Apabila Sultan Muhammad meminta orang yang membunuh itu diperiksa, maka Laksamana pun mdenjawab bahawa orang yang membunuh itu tidak boleh dipersalahkan seperti Seri Akar Raja membunuh Telanai Terengganu. Sultan Pahang tidak dapat berbuat apa-apa Raja Pahang kemudian berkirim sembah kepada Sultan Alauddin Riayat Syah. Ini menunjukkan kuasa pengadilan tertinggi tetap terletak kepada Melaka.¹⁷

- **Siak** adalah juga naungan Melaka, yang tertakluk kepada perintah Melaka. Sultan Ibrahim, yang dirajakan oleh Sultan Mansur Syah, telah menyuruh Tun Jana Pakibul membunuh seorang Siak kerana kesalahannya kepada Sultan Ibrahim. Sultan Alauddin Riayat Syah telah menghantar Lasamana untuk mengingatkan Sultan Ibrahim.

¹⁶ *Ibid*, hlm.141.

¹⁷ *Ibid*, hlm. 141-142

Laksamana telah berjumpa dengan Sultan Ibrahim. Laksamana kemudian menanya Tun Jana Pakibul tentang pembunuhan itu; beliau mengaku membunuhnya. Laksamana kemudian memarahinya dengan mengatakan perbuatan itu adalah sesuatu yang salah kerana menghukum orang tanpa merujuk ke Melaka terlebih dahulu. Sultan Ibrahim terpaksa menghantar sembah keampunan kerana kekhilafannya itu.¹⁸ Ternyata kuasa KMM diperteguhkan ditanah naungan atau jajahannya.

b) Peperangan

- **Haru** - Kesultanan Melayu Melaka terpaksa menyerang Haru, yang dahulunya adalah jajahan Melaka. Namun, dibawa pemerintah baru berlaku keingkaran kepada keadaan itu. Ini bermula dengan kerajaan Haru pimpinan Maharaja al-Diraja berperang dengan Pasai. Dia tidak berkenan dengan surat yang dibacakan kepadanya. Maka semua utusan Pasai telah dibunuhnya. Selepas itu dia menyuruh pengikutnya merosakkan seluruh jajahan Melaka dari Tanjung Tuan sehingga ke Jugra, yang didiami dengan penduduk yang ramai. Habis diserangnya. Melaka telah menghantar pasukan balas dengan diketuai oleh Paduka Tuan, anak Bendahara Paduka Raja. Laksamana juga turut serta. Peperangan dengan Haru itu berlaku dua fasa. Akhirnya Melaka dapat mengalahkan orang Haru yang bertempiaran lari kehulu. ¹⁹
- b) **Kampar** - Sultan Alauddin Riayat Syah telah menitahkan Seri Nara al-Diraja mengepalai pasukan Melaka. Kampar dipegang oleh rajanya bernama Maharaja Jaya, keturunan Raja Pagar Ruyung. Peperangan yang berlaku telah mengorbankan mangkubuminya Tun Damang dan kemudian rajanya Maharaja Jaya. Orang Melaka menyerbu terus ke kota dan istananya dan berjaya menumpaskan pertahanannya. Peperangan yang menggunakan lembing dan panah itu telah membawa kemenangan kepada Melaka. Kampar diserahkan kepada Seri Nara al-Diraja; beliau melantik Adipati Kampar sebagai pemegangnya. Sultan Alauddin Riayat Syah kemudian merajakan anakandanya Sultan Munawar Syah sebagai Raja Kampar dan Seri Amar Diraja sebagai bendaharanya.

4) Pemerintahan Sultan Mahmud Syah:

Baginda adalah seorang sultan yang juga meneruskan legasi Melaka sebagai penerus dasar-dasar perhubungan luar yang berencama; ada perhubungan secara persahabatan, perdagangan,

¹⁸ *Ibid*, hlm. 143.

¹⁹ *Ibid*, hlm.146-149

perkahwinan dan peperangan. Baginda adalah anakanda Sultan Alauddin Riayat Syah dan menggantikan ayahandanya diusia yang sangat muda. Semasa pemerintahannya juga terdapat hubungan dengan pihak antarabangsa apabila Melaka dialahkan oleh Feringgi atau Portugis pada tahun 1511. Bagaimanapun baginda terus membuat kerajaan-kerajan baru ditanah jajahan takluknya untuk menentang semula Portugis. Berikut adalah hubungan luar baginda yang dilakukan disepanjang pemerintahannya di Melaka dan jajahan takluknya.

a) Hubungan Perdagangan:

Sultan Mahmud Syah telah mengarahkan Hang Nadim pergi ke Benua Keling (India) untuk membeli kain `empat puluh bagi bunga-empat helai kain, pada sehelai kain empat puluh bunganya'. Hang Nadim adalah menantu Laksamana. Beliau menaiki kapal Hang Isak. Setelah sampai, beliau mengadap Raja Keling dan memberitahu kehendak Sultan Mahmud Syah. Seramai 500 orang pelukis telah dikumpul bagi melukis corak kain tersebut, tetapi semuanya tidak disukai oleh Hang Nadim. Akhirnya Hang Nadim melukis corak bunga yang dikehendakinya. Hanya dua orang sahaja pelukis yang dapat melukis seperti Hang Nadim. Akhirnya Hang Nadim membawa kembali kain- kain tersebut ke Melaka.

Namun, dipertengahan jalan kapal Hang Isak tiba-tiba tenggelam bersama Hang Isak dan anak kapalnya. Ini dipercayai kerana Hang Isak tidak mahu mengembalikan emas seorang syarif yang menumpang kapalnya. Hang Nadim diminta pujuk Hang Isak, tetapi Han Nadim tidak mahu dirinya dilibatkan. Syarif itu mendoakan keselamatan Hang Nadim. Maka dalam kejadian kapal tenggelam itu, Hang Nadim dan beberapa orang lain dapat menyelamatkan dirinya dengan bersampan bersama hartanya ke Selan. Di situ Hang Nadim telah diminta oleh Raja Selan membuat tanglung telur. Oleh kerana pandainya Hang Nadim membuatnya, Raja Selan ingin meminta dia tinggal disitu. Hang Nadim segera menumpang kapal kembali ke Melaka.²⁰

c) Hubungan luar dengan Tanah Jajahan/ Naungan:

- **Surabaya** - Pangeran Adam, pemerintahnya telah datang mengadap Sultan Mahmud Syah. Dia tinggal agak lama di Melaka dan dilayan oleh Sultan Melaka seperti orang besar. Seri Nara al-Diraja telah menempelak Patih Adam bahawa anaknya Tun Minda `hendak berlakikan tuan hamba, konon'. Tun Minda masih kecil dan sedang berlari dihadapan mereka. Pangeran Adam kemudian menebus seorang budak perempuan sebaya

²⁰ *Ibid*, hlm.174-177

dengan Tun Minda, lalu dibawa balik ke Surabaya. Anak perempuan itu lalu dikahwinkan dengan pengikutnya. Beliau kembali semula ke Melaka mengadap Sultan Mahmud Syah. Bersamanya terdapat 40 orang anak priyayi yang baik-baik, sebagai pengiringnya. Dia lalu menuntut janji Seri Nara al-Diraja untuk menjodohkan anaknya Tun Minda dengannya. Seri Nara al-Diraja menolaknya dan menganggap ia hanya satu gurauan sahaja. Bagaimana pun Pangeran Adam dapat merasuh penjaga pintu rumah Tun Minda.

Bersama dengan semua pengiringnya, Pangeran Adam melawan orang-orang yang menyerangnya. Kesemua 40 orang pengiringnya habis terbunuh oleh orang-orang Sang Nila al-Diraja. Dengan segera, Pangiran Adam membuka saboknya dan mengikat sebahagiannya kepada Tun Minda dan sebahagian lagi kepada dirinya. Pehanya menindih peha Tun Minda. Kerisnya dihunus dan mengatakan sesiapa sahaja yang membunuhnya, Tun Minda akan dibunuhnya. Seri Nara al-Diraja terpaksa akur; anaknya dikahwinkan dengan Pangeran Adam. Beliau tinggal di Melaka dengan pekenan Sultan Melaka, sebelum kembali ke Surabaya bersama Tun Minda. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki bernama Tun Husin.²¹

- **Kedah** - Rajanya mengadap sembah kepada Sultan Melaka untuk dinobatkan. Baginda memikirkan tarafnya lebih rendah daripada Bendahara Seri Maharaja, bapa saudara Sultan Melaka. Oleh itu enggan makan bersama Bendahara. Namun, Bendahara telah memujuknya sehingga baginda bersetuju. Kedah dengan itu menjadi jajahan Melaka.
- **Inderagiri** - Adalah juga jajahan Melaka yang telah dinobatkan di Melaka. Rajanya bernama Maharaja Merlung meninggal di Melaka. Anaknya Raja Nara Singa juga tinggal di Melaka. Orang-orang Melaka yang dipanggil tuan oleh orang Inderagiri, sentiasa mengenakan mereka. Mereka minta didokong untuk bersiar-siar sehingga orang Inderagiri mengadu kepada rajanya . Maka Raja Nara Singa pun mengadap Sultan Melaka memohon izin untuk kembali ke negerinya. Sultan Mahmud Syah tidak mengizinkannya. Bagaimanapun, Raja Nara Singa kembali juga ke Inderagiri mengambil takhtanya daripada Maharaja Isak, sepupunya. Maharaja Isak pergi ke Lingga dan berkahwin dengan anakanda Maharaja Lingga dan menggantikan ayah mertuanya setelah Raja Lingga mangkat.²²

²¹ *Ibid*, hlm.167- 170.

²² *Ibid*, hlm.174-175.

- **Pahang** - juga adalah naungan Melaka. Bagaimanapun berlaku ketegangan kerana Sultan Mahmud Syah telah mengambil tunangan Sultan Abdul Jamal, Raja Pahang, untuk diperisterikannya. Tunangan Sultan Abdul Jamal itu bernama Tun Teja Ratna Menggala, yang sangat cantik. Seriwa Raja, yang pergi ke Pahang untuk membeli gajah, telah menceritakan kecantikan Tun Teja kepada Sultan Mahmud Syah. Hang Nadim, telah sanggup menjalankan tugas itu. Dia telah Berjaya memujuk seorang pelulut istana Tun Teja untuk memujuk Tun Teja mengikut ke Melaka dan berkahwin dengan Sultan Mahmud Syah, Sultan Melaka yang termasyhur itu. Tun Teja bersetuju untuk mengikut Hang Nadim menaiki kapal Nakhoda Sisi Ahmad, yang telah berpaktat dengannya. Setiba di Melaka, Sultan Mahmud Syah telah bernikah dengan Tun Teja.

Sultan Abdul Jamal sangat murka dan bersedia untuk melanggar Melaka dengan gajah kenaikannya yang sangat cerdik. Mendengarkan itu, Sultan Mahmud Syah telah memerintahkan Laksamana ke Pahang dan mengambil gajah tersebut dengan membawa sepucuk surat daripada Sultan Mahmud Syah. Setelah surat itu dibaca dihadapan Sultan Abdul Jamal, Laksamana telah bersuara kepada Sultan: adakah benar Pahang ingin melanggar Melaka? Bukankah Melaka dan Pahang itu ‘umpama sebuah negeri juga?’ Sultan Pahang pula bertanya ‘..patut ke Pahang melawan Melaka?’. Laksamana pula berbuat baik dengan gembala gajah Sultan Pahang. Segala perintah Laksamana diikutnya; gajah Sultan Pahang dinaikkannya kedalam perahu. Laksamana kemudin menghilir balik ke Melaka.

Sultan Abdul Jamal sangat murka dengan tindakan itu. Maka gerombolan Pahang menyerang Laksamana dan angkatannya telah diperintahkan oleh Sultan Pahang. Laksamana dan angkatannya memanah sesiapa sahaja yang mendekatinya. Kerosakan banyak berlaku keatas pasukan Pahang. Laksamana dan gerombolannya dapat belayar pulang ke Melaka dengan selamat. Sultan Abdul Jamal, yang terlalu kecewa dengan keadaan itu, telah menyerahkan tahtanya kepada anakandanya Sultan Mansur. Baginda membawa diri ke hujung negeri menjadi seorang sheikh; baginda digelar Marhum Syeikh.²³

Ternyata sebagai ketua empayar, KMM dapat menguasai tanah jajahannya dengan apa sahaja sebab dan apa cara sekali pun. Para pembesarnya yang bijaksana dan setia, sentiasa mendokong perentahnya, demi mengukuhkan KMM. Dasar luar KMM ini

²³ *Ibid*, hlm.185-189.

memperlihatkan kuasanya ke atas tanah jajahan atau naungannya yang sentiasa dipantau dari semasa ke semasa.

- **Pa'Tani** - adalah sebuah kerajaan yang telah ditubuhkan oleh seorang anak Raja Siam, yang telah Berjaya mengalahkan Kota Mahligai, pimpinan Raja Sulaiman Syah. Nama anak Raja Siam itu ialah Cau Seri Pandan. Dia berjanji jika dia dapat mengalahkan Raja Sulaiman, dia akan memeluk Agama Islam dan membina sebuah kerajaan baru. Setelah mendapat kemenangan menumpaskan Raja Sulaiman Syah, Cau Seri Pandan telah meminta orang-orangnya mencari suatu tempat yang sesuai untuk membina singgahsana kerajaannya. Mereka berjumpa suatu tempat di tepi laut yang didiami oleh seorang tua bernama Pa'Tani; tempat itu difikirkan sangat sesuai. Cau Seri Pandan lalu membuka tempat itu dengan nama Pa'Tani. Cau Seri Pandan kemudian menghantar utusan pergi ke Melaka untuk mengadap Sultan Mahmud Syah, untuk dinobatkan. Sultan Mahmud Syah telah mengarang sebuah kitab untuk panduan Raja Pa'Tani itu, yang digelarnya Sultan Ahmad Syah. Selepas mendapat nobat Melaka, Raja Pa'Tani bergelar Seri Sultan Ahmad Syah. Sebagai sebuah empayar, KMM menjadi pelindung dan pengesah kepada kerajaan-kerajaan baru bernaung dibawahnya.
- **Ligor** - sebuah kerajaan di utara Melaka, telah cuba menyerang Pahang. Melaka sebagai penaung Pahang, telah menghantar gerombolan yang besar menentang serangan tersebut dengan diketuai oleh Bendahara Seri Maharaja dan Laksamana. Sultan Pahang Sultan Mansur Syah sangat gembira mendapat bantuan itu. Kota telah dibina dan siap selepas tiga hari. Serangan Raja Ligor ke atas kota itu dapat dipatahkan. Raja Ligor lari ke hulu Pahang, bergerak ke Pa'Tani sebelum balik ke Ligor.

d) Serangan Feringgi:

Sebuah kapal Feringgi dari Goah telah tiba dan berdagang di Melaka. Kemakmuran Melaka sangat mempesonakan mereka. Penduduk Melaka terdiri daripada pelbagai bangsa berjumlah 19 laksa, dan ini tidak termasuk rakyat dari segala jajahan Melaka. Bendahara Seri Maharaja menyambut dengan penuh hormat. Sekembalinya ke Goah, India, hal itu diceritakan kepada bizerainya, Alfonso d'Albuquerque. Alfonso lalu menyerang Melaka dengan 7 buah kapal, 10 ghali panjang, 13 belas fusta. Setibanya di Melaka, mereka telah membedil kota Melaka dengan teruknya. Pada esoknya pula mereka telah menaiki kota dengan 2,000 istinggar, kelasi dan

laskarnya menyerang Bandar Melaka. Tun Hassan Temenggung bersama orang-orang Melaka Berjaya menghalau orang-orang Portugis yang dipimpin oleh Kapitan Mor.²⁴

Alfonso d'Albuquerque telah mengadap Ratu Portugal untuk mendapat kelengkapan senjata yang lebih banyak untuk menyerang Melaka. Sultan Ahmad yang mengantikan ayahandanya Sultan Muhamad Syah, telah membalas bedilan senjata Portugis itu. Namun Portugis terlalu kuat peralatannya. Sultan Ahmad menaiki gajahnya untuk berperang dengan Portugis apabila mereka menyerang kota Melaka. Sultan Ahmad bertahan di jambatan Melaka sehingga ke malam, bahrulah perang itu diberhentikan. Pada malam itu , Hikayat Muhammad Hanafiah dibaca bagi menaikkan semangat pejuang-pejuang Melaka. Hikayat Hamzah juga dibaca bagi menaikkan semangat juang mereka.

Esoknya, Portugis sekali lagi menyerang Melaka di darat. Sultan Ahmad menentangnya, tetapi baginda luka ditangan; begitu juga panglima handalannya Seri Udani. Kemaraan Portugis memang tidak dapat ditahan-tahan; Sultan Ahmad terpaksa berundur ke Muar, Pagoh dan membina kota di Bentayan. Sultan Mahmud Syah tinggal di Batu Hampar. Portugis kemudian menyerang Pagoh dari Melaka. Sultan Ahmad dan ayahandanya bergerak ke Ulu Muar dan kemudian ke Pahang. Dari situ Sultan Mahmud Syah bergerak ke Bentan dan membuat kerajaan di sana. Sultan Ahmad juga membuat kerajaan di Kopak (Bentan).

Sultan Mahmud Syah kemudian membunuh Sultan Ahmad kerana tidak berkenan dengan kelakuannya kepada pembesar Melaka.²⁵ Ini kerana Tun Fatimah, Raja Perempuan Melaka, tidak mahu mengandung kerana telah ada pengganti Sultan Mahmud Syah Tun Fatimah adalah anak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, yang telah dihukum dibunuh oleh baginda dan 39 keturunannya yang lain, kerana dituduh cuba menderhaka kepadanya. Tun Fatimah juga telah dirampasnya daripada suaminya Tun Ali, yang turut dibunuh bersama bapa mertuanya. Dendam Tun Fatimah sangat mendalam sehingga tidak mahu mengandungkan anak Sultan Mahmud Syah. Sultan berjanji akan menjadikan anaknya dengan Tun Fatimah sebagai Sultan Melaka. Maka, Sultan Ahmad terpaksa dihapuskan. Malah, selepas itu anakandanya Raja Muzaffar juga turut dibuang kedudukannya apabila Tun Fatimah melahirkan seorang anak lelaki yang dinamakan Sultan Muda, mengatasi abangnya, Raja Muda. Raja Muda kemudian diambil orang Perak untuk dirajakan sebagai Sultan Perak yang pertama bergelar Sultan Muzaffar Syah. Raja

²⁴ Ibid, hlm. 198-199

²⁵ Ibid, hlm.214

Muda adalah anak Sultan Mahmud Syah dengan Puteri Onang Kening, anak Sultan Mansur Syah, Kelantan-Pattani.²⁶

Sultan Mahmud Syah sebagai Sultan Kesultanan Melayu Melaka di Bentan

Hubungan luar tetap dijalankan dengan jajahan takluk dan negeri naungannya serta kuasa-kuasa luar seperti Portugis yang menjadi seterunya. Hubungan itu masih bersifat peperangan, persahabatan dan perkahwinan diraja sebagai satu kaedah naungan dan persahabatan.

a) Hubungan Luar dengan Jajahan Takluk/Naungannya

- **Kampar** - adalah sebuah negeri naungan Melaka. Namun, Sultan Abdullah, pemerintah Kampar tidak mahu mengadap Sultan Mahmud di Bentan. Sebaliknya ia berpaling kepada Portugis/Feringgi di Melaka untuk meminta bantuan. Sultan Mahmud Syah membuat persiapan untuk menyerang Kampar dengan pimpinan beberapa orang pahlawan Melaka dibawah Tun Bajit, anak Laksamana Hang Tuah. Setibanya pasukan Melaka di Kerumutan, Feringgi telah datang membantu Kampar. Mereka terpaksa terjun menyelamatkan diri ke Inderagiri.

Sultan Abdullah terlalu gembira dan menaiki kapal Feringgi tetapi baginda kemudian ditangkap dan dibawa ke Melaka. Selepas itu, baginda telah dihantar ke Goah dan dibawa pergi ke Portugal sebagai tawanan perang. Sultan Mahmud Syah kemudian memanggil semua pembesar Kampar ke Melaka. Sultan telah melantik Bendahara Kampar sebagai Paduka Tuan dengan gelaran Seri Amar al-Diraja.²⁷ Maknanya kuasa kerajaan Melaka, walaupun telah berpindah ke Bentan, tetap diakui oleh jajahan takluknya.

- **Lingga** - sebuah jajahan naungan Melaka. Maharaja Isak mengadap Sultan Melaka untuk mendapat nobat menggantikan ayahandanya Maharaja Lingga. Sultan Mahmud Syah meletakkan kedudukan Maharaja Lingga dibawah Laksamana kerana Laksamana adalah keluarga tua pada Maharaja Lingga.²⁸

²⁶ *ibid*, hlm. 210. Kata Tun Fatimah, "Apakah kerja raja beranak dengan beta lagi, kerana anak raja yang kerajaan telah ada".

²⁷ *Ibid*, hlm.218-219

²⁸ *Ibid*,hlm. 221

- **Inderagiri** - adalah juga jajahan Melaka. Namun, dalam perjalannya untuk mengadap Sultan Mahmud Syah di Bentan, dia telah melanggar Lingga. Ini kerana Maharaja Lingga, yang memang merupakan musuhnya, tidak berada di Lingga. Habis semua ditawannya termasuk anak isteri Maharaja Lingga, yang dibawanya balik ke Inderagiri. Setibanya di Bentan, Maharaja Lingga telah kembali ke Lingga. Maka tidaklah berlaku pergaduhan di Bentan; Raja Inderagiri pula dikasihi oleh Sultan Mahmud Syah. Maharaja Lingga tidak dapat berbuat apa-apa apabila Raja Inderagiri itu telah dijadikan menantu oleh Sultan Mahmud Syah. Bagaimanapun, baginda cuba mendamaikan kedua-dua raja naungannya itu. Maharaja Isak dapat semula anak isterinya, tetapi dirinya merasa amat malu dengan kekalahannya itu. Dia terus menconteng arang dimukanya secara sengaja pada setiap hari apabila didatangi oleh rakyatnya. Akhirnya dengan persetujuan pembesar-pembesarnya Maharaja Isak telah menyerang Linggi.

Sultan Abdul Jalil, yang berada di Melaka, telah mengadu kepada Sultan Mahmud Syah. Pasukan Melaka telah diarahkan ke Lingga untuk menyerangnya. Namun, pihak Portugis/Feringgi telah pun berada di Lingga membantunya. Pasukan Melaka tidak dapat menaiki Lingga kerana pihak Portugis membuat benteng dihadapannya. Habis kapal Melaka dibedil dan ramai orang Melaka yang tercedera dan mati. Manakala Laksamana dan pasukannya pula pergi menyerang Melaka yang dikuasai oleh Portugis itu. Mereka berperang dengan Portugis sehingga di Hujung Pasir, baharulah Portugis mengaku kalah; namun pasukan Laksamana tidak dapat mengambil Melaka semula. Laksamana dimurkai Sultan kerana tidak mahu ke Lingga.²⁹

- **Siak** - juga terus bernaung dibawah Kesultanan Melaka di Bentan. Sultan Ibrahim, menantu Sultan Mahmud Syah telah mangkat dan anakandanya Raja Abdul, cucunda Sultan Mahmud Syah, telah menggantikan ayahandanya. Baginda telah turun ke Bentan dan mengadap nendanya. Sultan Mahmud Syah telah menobatkan cucunandanya dengan gelaran Sultan Khoja Ahmad dan mengahwinkannya dengan puterinya. Sultan Khoja Ahmad kemudian kembali ke Inderagiri sebagai pemerintah yang sah. Darah Melaka mengalir pekat dalam Kesultanan Inderagiri.
- **Beruas dan Manjung** - dua negeri kecil yang terletak disebelah barat Bentan, adalah juga jajahan Melaka. Sultan Mahmud Syah mendapatkan sejak kekalahan Melaka ditangan Feringgi, raja-raja di sana tidak berdatang sembah kepada baginda. Maka baginda telah

²⁹ Ibid, hlm.222-223.

menghantar utusan ke sana dengan diketuai oleh Paduka Tuan, yang membawa anak isterinya sekali. Tun Aria Bija al-Diraja telah menyambut Paduka Tuan dan rombongannya. Tun Mahmud, anakanda Paduka Tuan dikahwinkan dengan Tun Mah, anak Tun Aria Bija al-Diraja. Beliau juga berdatang sembah kepada Sultan Mahmud Syah sebagai pemerintahnya.

- **Selangor** - Tun Mahmud kemudian diberi Selangor untuk dipegangnya, sebelum Tun Aria Bija al-Diraja kembali ke Bentan. Di sana, beliau mendapat anugerah daerah barat untuk dijaganya. Beliau berjanji kepada Sultan untuk menyerang Melaka bersama-sama dengan orang Manjung. Sultan Mahmud Syah sangat gembira dan menyerahkan cincinnya kepada Tun Aria Bija al-Diraja sebagai “satu janji kita inilah; kita buangkan ke laut, jikalau ada untung kita, timbul”.³⁰
- **Haru** - sebuah negeri naungan Melaka yang ingin memperkuuhkan lagi kedudukannya dalam lingkungan KMM walaupun kini bertapak di Bentan. Baginda ingin mengambil Tun Putih, anak Sultan Mahmud Syah dengan Tun Fatimah, untuk dijadikan permaisurinya. Bondanya melarang kearana menganggap Sultan Mahmud Syah itu seterunya. Namun, kearana dendam berahinya kepada Tun Putih, larangan itu dingkarinya. Sultan Mahmud Syah menyuruh Bendahara menyambutnya. Sultan Mahmud Syah melihat dahulu gerak geri Sultan Husein, Raja Haru itu. Raja Haru itu terpaksa bersungguh-sungguh meyakinkan Sultan Mahmud Syah apabila mengadap dan bergaul di Istana Bentan. Pakaian dan kerisnya silih berganti tujuh kali sehari, selain daripada budi bahasa dan tingkah lakunya yang tetrib semasa mengadap Sultan. Akhirnya Sultan Mahmud Syah ersetuju mengahwinkannya dengan Tun Putih. Majlis perkahwinan itu diadakan selama 3 bulan deangan semua jajahan naungan dan takluknya hadir meraikan perkahwinan diraja itu. Bagaimanapun, Raja Putih tidak kasih akan Sultan Husein. Dipujuk oleh Sultan Mahmud Syah untuk dikahwinkan dengan puteri-puterinya yang lain. Namun Sultan Husein tetap mahukan isterinya Tun Putih. Bendahara pula telah mengingatkan tentang maruah Sultan yang akan dikata orang. Akhirnya, Tun Putih dipujuk kembali kepada suaminya. Sultan Husein membawa isterinya pulang ke Haru; dengan itu KMM menaungi Haru dengan perkahwinan diraja itu.³¹

³⁰ **Ibid**, hlm.231-234

³¹ **Ibid**, hlm. 235=239.

- **Pahang** - sebuah negeri naungan KMM di Bentan, yang telah datang mengangkat sembah. Sultan Mahmud Syah telah mengahwinkan puterinya Raja Hatijah dengan Sultan Pahang itu. Hubungan naungan itu sekali lagi diikat dengan perkahwinan diraja.³²

b) Peperangan Dengan Feringgi/Portugis

- **Feringgi di Melaka** - Sultan Mahmud Syah telah mengarahkan sebuah pasukan Melaka untuk menyerang Feringgi/Portugis di Melaka kerana sentiasa membantu naungannya atau jajahan takluknya menderhaka dengan baginda yang berkerajaan di Bentan. Antaranya **Kampar** dan **Lingga**. Pasukan menyerang Feringgi itu diketuai oleh Tun Nara Wangsa, Tun Pikarma, Laksamana , Sang Setia dan Sang Naya. Sultan Abdul Jalil, Raja Inderagiri menjadi mata-mata menyuluh jalan. Setibanya dilautan, mereka bertemu dengan sebuah jong Brunei yang ingin ke Melaka. Semasa nakhodanya mengadap Laksamana, orang-orangnya telah merampas kelengkapan Brunei itu. Laksamana membuat perkiraan dengan mereka demi menjaga nama baik Bentan.

Setiba diperairan Melaka, berlaku perbalahan antara Sultan Abdul Jamal dan para pembesar Bentan. Para pembesar enggan menyembah Sultan Abdul Jamal, kerana sembah mereka hanya kepada Sultan Mahmud Syah. Mereka juga berbalah dengan strategi serangan yang dilakukan. Mereka juga berpuak-puak semasa serangan ke atas Melaka dilakukan. Sultan Mahmud Syah telah menghantar surat memurkai mereka; mereka diperintahkan pulang ke Bentan. Sultan Abdul Jamal telah berdatang sembah yang tidak disukai oleh Paduka Tuan; dibantahnya dihadapan Sultan Mahmud Syah. Ternyata perpecahan bukan sahaja pada jajahan Melaka tetapi juga perbezaan pendapat dan kesetiaan kepada Sultan Mahmud Syah. Keutuhan Kesultanan Melaka sebagai sebuah Kesultanan seperti dahulu , telah mula luntur kehebatannya.³³

- **Feringgi menyerang Bentan** - Sultan Mahmud Syah telah menitahkan Bendahara dan Temenggung menyediakan kelengkapan meneguhkan kota kara Bentan. Namun, pihak raja tidak dapat menahan serangan Feringgi yang terlalu besar angkatannya dengan senjata yang lebih baik serta bedilan meriamnya juga tidak dapat ditahan oleh Bentan. Sultan dan para pembesar serta pengikutnya terpaksa berundur meninggalkan kota dan segala harta bendanya. Mereka belayar ke Dompak. Daripada situ Tun Mahmud yang

³² Ibid, Hlm. 240.

³³ Ibid, hlm.223-230.

memegang Selangor telah datang mengadap baginda. Mereka kemudian bergerak ke Kampar. Di situ Sultan Mahmud Syah telah disambut sebagai Yang DiPertuan baru. Sultan Husein Haru juga datang mengangkat sembah kepada Sultan Mahmud Syah.³⁴

Sultan Alauddin Riayat Shah (II).

Baginda menggantikan ayahandanya Sultan Mahmud Syah sebagai Yang DiPertuan Kesultanan Melaka yang baru. Kekandanya, Raja Muzaffar Syah telah diturunkan jawatannya sebagai Raja Muda dan dinyahkan dari istana. Baginda telah pergi Ke Siak dan ke Kelang. Di sana beliau telah dijemput oleh seorang saudagar bernama Sik Mi dibawa ke Perak. Di sana beliau telah dirajakan sebagai Sultan Perak dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah. Seri Akar DiRaja kemudian disuruh oleh Bendahara Paduka Tuan untuk menjaga Selangor. Sultan Alauddin Riayat Syah menjadi ketua bagi Kerajaan Melayu Melaka di Hujung Tanah. Dengan itu hubungan luar dengan jajahan takluk dan negeri naungannya tetap berlangsung seperti zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Antara hubungan luar itu ialah perkahwinan diraja, persahabatan, peperangan dan perdagangan di antara mereka.

a) Perkahwinan diraja di antara Sultan Alauddin Riayat Syah dengan puteri Pahang

Perkahwinan itu berlaku di antara Sultan dengan saudara Sultan Mahmud Pahang. Dengan perkahwinan diraja itu, pengaruh naungan Melaka keatas Pahang menjadi lebih teguh lagi. Di samping itu persahabatan dan persaudaraan di antara mereka menjadi lebih ikrab. Bagaimanapun, dalam masa yang sama Pahang menghantar bunga emas sebagai tanda persahabatan dengan Siam. Sultan Alauddin Riayat Syah membiarkan sahaja keadaan itu.³⁵

b) Hubungan Dengan Jajahan Takluk atau Naungannya

- **Perak** - adalah sebuah negeri baru yang diperintah oleh bekanda Sultan Alauddin Riayat Syah iaitu Sultan Muzaffar Syah. Sultan Aauddin Riayat Syah tetap mahu menunjukkan kedudukannya yang tinggi daripada kekandanya itu. Baginda telah menyuruh Tun Pikramalah untuk memanggil Bendahara Seri Akar Raja, walaupun pembesar itu telah berkhidmat dibawah pemerintahan kekandanya. Bendahara Seri Akar Raja telah menolak kedatangan Tun Pikramalah dengan memberi nasi didalam periuk dan lauk di dalam

³⁴ *Ibid*, hlm.244-245

³⁵ *Ibid*, hlm.249.

buluh. Ini dilihat sebagai satu penghinaan kepadanya. Beliau kemudian mengadu kepada Sultan Alauddin Riayat Syah. Bendahara Paduka Tuan bermohon untuk ke Perak. Sultan Muzaffar Syah mengajak Bendahara santap bersamanya, tetapi Bendahara menolak dengan berhemah kerana kedudukan Sultan Muzaffar Syah itu. Bendahara Paduka Tuan kemudian membawa Bendahara Seri Akar Diraja ke Hujung Tanah. Sekali lagi Sultan Muzaffar Syah telah diremehkan oleh adindanya yang mempunyai kedudukan sebagai pemerintah warisan Sultan Mahmud Syah, Melaka.³⁶

- **Kampar** - Adipati Kampar telah datang ke Hujung Tanah berjumpa dengan Seri Nara al-Diraja. Penghulu Bendahari untuk menyampaikan ufti seperti kebiasaan negeri naungan yang lain seperti Mandulika Kelang dan Raja Tungkal kepada kerajaan Melaka , yang kini bertempat di Hujung Tanah. Oleh kerana beliau sakit, maka Adipati Kampar telah mempersesembahkannya terus kepada Sultan Alauddin Riayat Syah. Baginda tidak mahu menerima kerana tidak mengikut adat. Seri Nara al- Diraja terpaksa membawa utusan Kampar mengadap Sultan; baginda menegur tindakan tidak beradat pembesarnya itu.³⁷ Ternyata dalam hubungan ini sistem ufti telah diadakan bagi menunjukkan penguasaan Kesultanan Melayu Melaka-Hujung Tanah terhadap kawasan sekitarnya. Pembayaran ufti itu juga patutlah dilakukan dengan adat istiadat dan hirakinya supaya setiap pihak mempunyai tugas yang jelas dan tertib peraturannya.
- **Singapura dan Pahang** - adalah juga jajahan Kesultanan Melayu Melaka, yang berpusat di Hujung Tanah. Batin Singapura bernama Patih Ludang, telah bergerak ke Pahang kerana bermasaalah dengan Sang Setia. Raja Pahang, Raja Jinadhlah hendak mengadap Sultan Alauddin Riayat Syah di Hujung Tanah bagi memberi tahu kemangkatan abangnya Sultan Mahmud dan ingin ditabalkan sebagai Sultan Pahang. Baginda digelar sebagai Sultan Muzaffar Syah. Sementara itu Sang Setia telah memanggil Patih Ludang daripada kapal Sultan Muzaffar Syah lalu dibunuhnya. Sultan Muzaffar Syah telah murka. Sultan Alauddin telah meminta Laksamana memanggil Sang Setia, tetapi tidak dihiraukannya. Maka Bendahara pula diperintahkan memanggilnya. Dia mengikut dan diserahkan kepada Sultan Muzaffar Syah. Baginda kemudian berdatang sembah kepada Sultan Alauddin Riayat Syah sebelum bermohon untuk kembali ke Pahang.³⁸

³⁶ **Ibid**, hlm.250-253

³⁷ **Ibid**, hlm. 253-254.

³⁸ **Ibid**, hlm.261-263

c) Peperangan dengan Feringgi di Melaka

Sebuah peperangan telah berlaku di antara kuasa luar ini dengan kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah. Ia bermula apabila seorang pembesar Melayu yang berada di Melaka telah cuba menyerang Melaka daripada dalam. Banyak senjata telah dikumpulnya telah disembunyikan; bagaimanapun seorang pegawai Feringgi telah terjumpa dengan senjata-senjata tersebut. Dia lalu membunuh pembesar tersebut. Ini membangkitkan kemarahan Sultan Alauddin Riayat Syah. Utusan Feringgi yang memberitahu tentang kematian Sang Naya itu, telah ditangkap dan dibunuh dengan cara yang sama iaitu menolaknya jatuh daripada pokok kayu yang tinggi sehingga mati. Serangan Feringgi memang tidak dapat dielakkan oleh Hujung Tanah. Pertahanan orang Melayu yang diketuai oleh Tun Pikrama dan Tun Nara Wangsa. Laksamana datang membantu, walaupun sebelum itu selama tiga tahun Sultan memurkainya. Serangan Feringgi itu terlalu kuat sehingga apa sahaja senjata dan strategi angkatan Tun Pikrama gunakan tidak menjadi. Feringgi terus mara menghujani Hujung Tanah dengan bedilan meriamnya. Sultan Alauddin Riayat Syah bergerak ke Sayung; bagaimanapun pihak Feringgi terus mengikutnya. Akhirnya Sultan Alauddin Riayat Syah terpaksa menulis surat berdamai dengan Feringgi.³⁹ Ternyata, Sultan Alauddin Riayat Syah tetap mencuba untuk mengambil semula Melaka, walaupun begitu payah.

³⁹ *Ibid*, hlm.255-259

KESIMPULAN

Hubungan luar yang berlaku dalam Kesultanan Melayu Melaka (KMM) adalah sangat penting sebagai satu bukti tentang pengaruhnya yang meluas dikawasan sekitarnya, terutama di timur pulau Sumatera, Tanah Melayu dan diperairan disekelilingnya. Hubungan ini juga memperlihatkan bagaimana penguasaan Melaka itu menjadi kuat sebelum kejatuhan kota Melaka ditangan Feringgi dengan pertuanan Melaka itu dirasai oleh setiap negeri jajahan takluknya atau naungannya. Namun apabila Feringgi menguasai kota Melaka, ada beberapa negeri kecil yang cuba mendapat bantuan Feringgi untuk menolak ketuanan Melaka.

Hubungan dengan negeri-negeri naungannya itu terpaksa diperbaharui dari semasa ke semasa. Hubungan itu diperkuuhkan dengan perkahwinan diraja di antara Sultan-sultan Melaka dengan puteri-puteri kerajaan yang besar seperti China dan Majapahit serta juga negeri-negeri kecil seperti Pahang, Kampar, Inderagiri, Surabaya, Beruas, Siak dan lain-lain lagi. Perhubungan dengan jajahan takluknya dilakukan dengan memberi nobat seperti Pa'tani dan beberapa kerajaan lain. Pengambilan nobat daripada ketuanan KMM ini, walaupun dimana kerajaannya berada, menunjukkan kekuatan KMM sebagai satu kuasa besar dan penting kewujudan entiti kerajaan Melayu di sekitarnya. Pemberian ufti juga dilakukan oleh jajahan takluk dan naungannya sebagai satu bentuk hubungan politik yang mengikat kedaulautan KMM sebagai penaung mereka.

Perkembangan Agama Islam sebagai agama dan cara hidup KMM dipamerkan dengan jelas oleh Sultan-sultan Melaka. Sultan Mansur Syah merupakan Sultan Melaka yang paling jelas minatnya dengan hukum hakam Islam melalui rujukannya kepada ulamak-ulamak Pasai dan dari atas angina. Melaka memang menjadi pusat ulamak-ulamak berkumpul menyebarkan Islam. Ada juga ulamak atau maulana yang menggalakkan rampasan kuasa di Melaka apabila mencadangkan Raja Kasim mengambil alih kerajaan Melaka daripada Sultan Abu Syahid. Islam juga menjadi inspirasi perjuangan mempertahankan Melaka apabila Hikayat Muhammad Hanafiah telah menjadi bacaan mereka untuk menentang Feringgi.

Peperangan dengan Feringgi yang berlaku sejak pemerintahan Sultan Mahmud Syah sehingga ke pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah (II), menunjukkan kehebatan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang telah menarik kuasa barat untuk menyerang dan menjajahnya. Pertahanan Melaka yang tidak sekuat Feringgi, telah melumpuhkan kota Melaka. Walaupun Sultan Mahmud Syah terpaksa membuat kerajaan baru dibeberapa tempat dalam

kawasan naungannya, namun perjuangan untuk mengambil semula Melaka telah dilakukannya. Ini kemudian disambung oleh Sultan Alauddin Riayat Syah (II), yang membuat kerajaan di Hujung Tanah.

Kewujudan Melaka lebih daripada 100 tahun itu telah memperlihatkan sebuah kerajaan Melayu yang memperkasakan semua asas dan nilai tamadunnya dan menjadi satu legasi kepada hubungan luar yang pelbagai sehingga ia menjadi terkenal diseluruh dunia. Peranannya sebagai pusat perdagangan telah membawa Feringgi menyerangnya. Penyebaran Agama Islam dan pendakwahannya oleh pemerintah, telah menjadikan Melaka, melalui penaklukan dan naungannya, sebagai sebuah kerajaan penyebar Islam diseluruh pengaruhnya. Perkahwinan diraja pula menjadi satu tali pengikat perhubungan luar, kekeluargaan dan persaudaraan yang abadi dalam hubungan diplomatik yang terjalin, sehingga setiap negeri atau daerah pengaruhnya saling kait-mengait membendung keturunan dan hati budi mereka. Kerajaan atau empayar Melaka adalah contoh kesultanan Melayu yang kukuh legasinya.

RUJUKAN

Sulat al- Salatin Ya’ni Perteturun Segala Raja- Raja (Sejarah Melayu), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan, 2009.